

15/09/2001

Malaysia, Yaman setuju dasar udara lebih terbuka

Jami'ah Shukri

KUALA LUMPUR, Jumaat - Malaysia dan Yaman akan mengadakan dasar penerbangan udara yang lebih terbuka pada masa depan, kata Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Katanya, perjanjian persefahaman (MOU) di antara kedua-dua negara sudah ditandatangani pada 6 September lalu.

"Ketika ini, Penerbangan Malaysia (MAS) tidak menyediakan perkhidmatan ke Yaman manakala syarikat penerbangan Yaman hanya mendarat di Mumbai, India.

"Oleh itu, menerusi perjanjian ini diharap perkhidmatan ke negara berkenaan dapat diadakan," katanya pada sidang akhbar bersama Menteri Pengangkutan dan Hal Ehwal Maritim Yaman, Kapten Saeed Abdullah Al-Yafe'e di sini, hari ini.

Kapten Saeed Abdullah kini dalam lawatan ke negara ini sebagai lawatan balas Dr Ling yang mengikuti rombongan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke negara itu, bulan lalu.

Dr Ling berkata, Yaman juga berminat mengadakan kerjasama dalam bidang latihan penerbangan dengan Kolej Penerbangan Malaysia.

Selain itu, Malaysia dan Yaman akan mengadakan kerjasama dalam bidang maritim.

Katanya, pada dasarnya Lembaga Pelabuhan Klang dan Pihak Berkuasa Pelabuhan Yaman bersetuju mengadakan "Perjanjian Bersekutu Pelabuhan" bagi kepentingan kedua-dua negara.

"Menerusi perjanjian itu, kedua-dua negara akan bertukar pengalaman serta mempelajari cara pengurusan dan pengendalian pelabuhan, selain mendapatkan latihan bagi pekerja pelabuhannya," katanya.

Dr Ling berkata, Yaman juga menawarkan Lembaga Pelabuhan Klang untuk bekerjasama membangun dan menguruskan Pelabuhan Aden di negara itu yang kini diuruskan Pihak Berkuasa Pelabuhan Yaman.

Katanya, Yaman turut meminta kerjasama syarikat perkapalan negara ini melatih pegawai kadet kapal dan pegawai kadet kejuruteraannya di atas kapal Malaysia.

Kapten Saeed Abdullah yang tiba di sini 4 September lalu, berkata beliau kagum dengan Malaysia yang mampu menjadikan Pelabuhan Klang sebagai salah satu pelabuhan terbaik dan terkemuka di dunia.

"Saya juga ingin melihat secara dekat bagaimana Malaysia mengurus dan mengendalikan Pelabuhan Barat dan Pelabuhan Utara yang dilakukan secara penswastaan. Yaman turut berminat untuk menswastakan beberapa sektor di negara kami," katanya.

Malah, Yaman bangga dengan kejayaan Malaysia dalam projek pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan ingin mempelajari pengalaman dalam bidang itu.

"Saya sudah berjumpa dengan pakar perunding yang bertanggungjawab dalam projek pembangunan KLIA.

"Saya juga percaya banyak sektor yang boleh diterokai oleh syarikat dan usahawan Malaysia di Yaman, khususnya industri pelancongan, pembinaan lapangan terbang dan pengangkutan lain," katanya.

(END)